



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 FEBRUARY 2017

Lima NGO buat laporan polis terhadap Tun M

UM - 4/2/2017

JOHOR BAHRU 3 Feb. Lima badan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini mendesak bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat permohonan maaf secara terbuka kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan rakyat negeri ini ekoran kenyataannya yang berbaur hasutan mengenai projek Forest City, di sini.

NGO berkenaan iaitu Persatuan Peniaga Bazar Johor Bahru; Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Sederhana Johor Bahru; Gabungan Peniaga dan Penjaja Melayu Malaysia (Gapema) Johor; Kelab Permotoran Generasi Baru dan Gerakan Belia 4B Kulai turut mendesak pihak berkuasa menyiasat Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu di bawah Akta Hasutan 1948.

Pengerusi Persatuan Peniaga Bazar Johor Bahru, Mohamed Salezan Mohd. Salleh berkata, tuduhan yang dilemparkan oleh Dr. Mahathir mengenai projek berkenaan adalah tidak berasas sama sekali.

“Kami membidas sekeras-kerasnya Dr. Mahathir yang bersikap oportunist mengenai pelaburan China di Forest City dan tidak masuk akal semuanya adalah untuk warga China, (sebaliknya) banyak lagi negara lain yang datang (melabur) di negeri ini.

“Pada pandangan kami, ini hanyalah hasutan untuk menakut-nakutkan rakyat negeri ini dan mahu melihat Johor gagal dalam mencapai cita-citanya untuk membangun merangkumi kawasan perdagangan, pelancongan, kediaman, perkhidmatan dan sebagainya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat laporan bersama-sama empat wakil NGO lain terhadap Dr. Mahathir di Balai Polis Sentral, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Johor Bahru Selatan, di sini hari ini.